

22/08/1998

Kerjasama Pusat, negeri berhasil

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Fazli Arman

KANGAR, Jumaat - Sistem pentadbiran membabitkan Kerajaan Persekutuan dan negeri berjaya membangunkan rakyat dan memastikan pengagihan kekayaan negara secara adil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melalui sistem itu, kata Perdana Menteri, Kerajaan Pusat melihat keperluan dan masalah pembangunan pada peringkat makro, manakala kerajaan negeri peringkat mikro.

"Justeru, perhubungan antara kerajaan negeri dan Pusat amat penting seperti yang sudah ditentukan dalam perlembagaan dan menjadi amalan negara selepas merdeka 40 tahun lalu.

"Jelas sistem ini mendatangkan banyak hasil kerana kalau kita mempunyai kerajaan yang hanya di ibu negara tanpa kerajaan negeri, mungkin tumpuan tidak diberi kepada perkara khusus yang melanda peringkat kawasan tempatan," katanya ketika merasmikan Bangunan Persekutuan, di sini hari ini.

Bangunan sembilan tingkat yang dibeli daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) pada harga RM41.5 juta itu menempatkan 21 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan. Ia mula digunakan awal tahun ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Perdana Menteri turut memuji kecekapan pentadbiran perkhidmatan awam yang melaksanakan semua perancangan dan dasar sehingga kerajaan berjaya membangunkan rakyat dan negara.

Menurutnya, selain menjadi tempat negara membangun menghantar pegawainya berlatih, pemilihan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai Presiden Persatuan Pentadbiran Awam dan Pembangunan Komenwel tahun lalu adalah bukti kemampuan perkhidmatan awam negara.

"Kalau kita tidak mempunyai kecekapan ini, maka mustahil kita dapat penuhi kemerdekaan dan dunia mengakui bahawa Malaysia berjaya mengisi kemerdekaan dengan keadaan negara setelah merdeka jauh lebih baik daripada sebelum merdeka.

"Pembangunan pesat dalam negara bukan sahaja disebabkan ahli politik melayan pengundi tetapi juga disebabkan ada pentadbir dan sistem pentadbiran melaksanakan segala perancangan dan dasar kerajaan.

"Kita harus bersyukur kerana mempunyai pentadbir dan sistem pentadbiran yang berwibawa mentadbir sebuah negara yang sudah merdeka dan bergantung kepada diri sendiri dalam setiap aspek," katanya.

Dr Mahathir berkata, sistem pentadbiran itu diwarisi sejak sebelum merdeka tetapi sentiasa diperbaiki dan kini Malaysia berjaya mengisi kemerdekaannya dengan sistem pentadbiran yang baik.

Sambil menjadikan Perlis yang selalu mengalami defisit dan bergantung kepada kerajaan Pusat untuk mendapatkan peruntukan sebagai contoh, beliau berkata dengan adanya sistem itu, Kerajaan Pusat dapat membantu negeri berkenaan dengan mengagihkan kekayaan negara.

"Ada negeri yang berpendapatan tinggi yang tidak senang hati melihat duit dipungut dari negeri berkenaan diagih-agihkan ke negeri lain.

"Tetapi kita juga mengingatkan negeri yang kaya ini bahawa mereka kaya kerana negara kita ini luas termasuk kawasan terpencil dan miskin.

"Mereka juga mendapat faedah dari kawasan yang dianggap miskin itu," katanya.

Mengenai hutang kerajaan Perlis kepada Pusat, Perdana Menteri secara

berseloroh berkata ia tidak akan dimansuhkan.

"Hutang bank boleh diambil alih oleh Danaharta tetapi hutang kerajaan negeri tidak boleh," katanya.

(END)